

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN MEDIA

**JPN SELANGOR MERAKAMKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA MURID SMK BANDAR SERI PUTRA**

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN Selangor) merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang murid SMK Bandar Seri Putra yang telah meninggal dunia dalam satu kejadian lemas pada petang 24 Jun 2026.

JPN Selangor menyerahkan sepenuhnya siasatan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan memohon semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu proses siasatan serta menghormati privasi keluarga mangsa.

JPN Selangor sedang menguruskan bantuan yang sewajarnya kepada keluarga mendiang serta memastikan aspek kebajikan dan kesejahteraan warga sekolah yang terkesan diberi perhatian.

JPN Selangor sekali lagi merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang dan berharap mereka diberikan kekuatan serta ketabahan dalam menghadapi saat yang amat sukar ini.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
25 JUN 2026**